

03 APR 2001

Parlimen-Bahas

PETRONAS, PROTON DISARAN KETUAI USAHA BAWA SYKT TEMPATAN KE TARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Syarikat-syarikat gergasi Malaysia seperti Petronas dan Proton hari ini disaran agar mengetuai usaha sektor korporat untuk membawa lebih banyak syarikat tempatan ke arah bertaraf dunia.

Datuk Mohd Sarit Yusoh (BN-Temerloh) semasa membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Dasar Wawasan Negara di Dewan Rakyat berkata, ia selaras dengan matlamat RRJP3 yang antara lain mahu mempersiapkan negara menghadapi gelombang globalisasi dan persaingan antarabangsa.

"Syarikat-syarikat perniagaan Malaysia mesti mengambil pendekatan sebagaimana disebut oleh (pakar ekonomi) John Naisbitt, berfikir secara global dan tidak berfikir secara ke dalam," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan RRJP3 pada sesi pagi persidangan hari ini, berkata RRJP3 antara lain akan menumpukan perhatian kepada pembangunan syarikat Malaysia bertaraf dunia yang boleh dijadikan contoh untuk diikuti oleh syarikat tempatan lain.

Mohd Sarit turut menyarankan supaya Proton mengikuti langkah Petronas meneroka ke luar negara dengan mencari rakan kongsi strategik di kalangan negara luar.

Beliau berkata langkah itu perlu bagi memastikan Proton mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Proton mungkin tidak dapat bersaing sekiranya Proton terus berfikiran insular dan inward looking (melihat ke dalam). Tidak ada gunanya Proton terus bertahan sebagai industri tempatan sekiranya kereta keluaran Proton tidak mampu bersaing di pasaran antarabangsa," katanya.

Mohd Sarit juga menyarankan supaya syarikat-syarikat tempatan melengkapkan organisasi dan pengurusan masing-masing dengan pengurusan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sebagai persediaan menjadi syarikat bertaraf dunia.

Mengenai badan-badan berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Tabung Haji, beliau berharap kedudukan kewangan agensi-agensi seperti ini diumumkan bagi mengelak salah tafsiran yang boleh dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kita tidak perlu takut melaporkan kerana tidak semua pelaburan perniagaan menjamin keuntungan," katanya.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) dalam perbahasannya mencadangkan supaya kerajaan menetapkan takrif baru bagi kemiskinan di negara ini.

Katanya takrif lama tidak lagi sesuai memandangkan dunia kini sudah berubah.

"Hasrat untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan mencapai kadar 0.5 peratus adalah baik. Tetapi kita memerlukan definisi kemiskinan baru," katanya.

Beliau juga menyarankan supaya Dr Mahathir mengkaji semula sikapnya terhadap Amerika Syarikat, Jepun, China dan India serta Kesatuan Eropah.

"Amerika Syarikat memang mempunyai kelemahan tertentu termasuk sikap terhadap Palestin dan hak-hak asasi. Saya berharap YAB (Perdana Menteri) boleh menggunakan pendekatan tidak bermusuhan terhadap Amerika Syarikat," katanya.

Thong Fah Chong (BN-Ipoh Timur) menyarankan supaya kerajaan menggubal undang-undang bagi mewajibkan anak-anak menjaga ibu bapa mereka selepas mereka (anak) mendapat pekerjaan.

"Dalam dekad yang serba mencabar ini, menjadi kebiasaan kita dengar anak mengabaikan ibu atau bapa kerana tidak mahu memikul beban kewangan atau masa untuk menjaga warga tua," katanya.

Akibatnya, beliau berkata, ibu bapa akan terbiar ataupun dihantar ke rumah kebajikan.

"Jika rang undang-undang ini digubal dan dikuatkuasakan, semua pihak akan mendapat manfaat kerana setiap orang akan menjadi tua dan memerlukan jagaan generasi muda," katanya.

Thong juga berharap kerajaan menubuhkan sebuah tribunal khas yang diberi kuasa untuk memotong gaji pekerja atau caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) anaka-anak yang mengabaikan orang tua mereka.

Abdul Rahman Yusuf (Keadilan-Kemaman) mempertikaikan keputusan kerajaan untuk tidak mengambil pinjaman daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) semasa dilanda kegawatan ekonomi.

Ia kerana kejayaan negara-negara seperti Thailand dan Filipina memulihkan ekonomi mereka menggunakan strategi IMF menunjukkan tidak semua strategi tabung itu tidak boleh dipakai, katanya.

"Meminjam daripada IMF juga tidak bermakna membenarkan negara ini dijajah oleh kuasa asing," kata Abdul Rahman.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) yang bangun mencelah berkata, tindakan kerajaan untuk tidak mengambil pinjaman daripada IMF ialah untuk melindungi syarikat tempatan daripada jatuh ke tangan asing.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

MUN NM MAI